

Headline	Ahli Parlimen, tokoh politik, selebriti buktikan kejayaan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	270 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,370	PR Value	RM 4,110



## Ahli Parlimen, tokoh politik, selebriti buktikan kejayaan

**SINTOK** - Kemeriahan Majlis Konvokesyen ke-26 Universiti Utara Malaysia (UUM) turut dihiasi barisan pemimpin negara dan tokoh politik serta selebriti yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Antara mereka ialah Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hamin Samuri masing-masing menamatkan pengajian Sarjana Pentadbiran Awam.

Manakala Ahli Parlimen lain turut menerima sarjana dalam bidang sama terdiri daripada Datuk Shamsul Anuar Nasarah (Lenggong), Datuk Lilah Yasin (Jempol), Datuk Wee Jeck Seng (Tanjung Piai) dan Datuk Md Sirat Abu (Bukit Katil) serta Speaker Dun Perak, Datuk K Devamany yang berjaya menamatkan pengajian beliau sebagai pemegang Sarjana Ekonomi.

Halimah berkata, walaupun sibuk dengan tugas sebagai timbalan menteri, ahli parlimen, seorang ibu dan isteri, tidak menjadi halangan untuk beliau menyambung pengajian.

Menurutnya, beliau bersama lapan rakan-rakan yang berjaya menamatkan pengajian adalah daripada 16 orang ahli parlimen yang menyambung pengajian di UUM.

“Saya fikir walaupun kita sudah agak berusia, proses pembelajaran tidak berhenti dan bukanlah untuk individu muda sahaja. Tetapi proses pembelajaran itu boleh dilakukan oleh sesiapa saja tanpa mengira sempadan umur.

“Justeru itu, atas sokongan daripada suami, anak-anak dan keluarga saya membuat keputusan untuk sambung belajar. Saya juga buka mulut dengan mengajak rakan-rakan lain di parlimen dan ramai yang berminat untuk bersama-sama menyambung pengajian masing-masing,” katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Tambah beliau lagi, beliau bersama tujuh lagi ahli parlimen turut akan menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Sementara itu, tidak ketinggalan golongan selebriti turut menempah nama sebagai pelajar cemerlang UUM.

Yusanani Yushak, merupakan seorang selebriti yang menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi turut di anugerah sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Bekas penyampai berita TV3 itu berkata, beliau melalui marathon panjang selepas selama 13 semester bertungkus-lumus untuk menamatkan pengajian.

“Bukan sesuatu yang mudah untuk saya mengekalkan prestasi pencapaian sepanjang belajar. Bagaimanapun, alhamdulillah dengan pengalaman praktikal yang ada sepanjang berkecimpung dalam bidang kewartawanan banyak membantu” katanya.

Selain Yusanani, antara selebriti yang berjaya menamatkan pengajian di UUM tahun ini ialah Zehra Zambri, Raizan Zainal Abidin, Zainatul Shuhaida Abd Rahman dan Syamsul Hirdi Muhid dan Zed Zaidi masing-masing dalam bidang komunikasi.

Headline	Ahli Parlimen, tokoh politik, selebriti buktikan kejayaan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	270 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,370	PR Value	RM 4,110



**Halimah terpaksa berkerusi roda untuk menerima ijazahnya yang disampaikan Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah kerana mengalami kecederaan di bahagian buku lali akibat kemalangan Ogos lalu.**